



Sukarelawan UMP Kilau sertai inisiatif program tanam 1,000 pokok Rhu

14 February 2023

Disediakan oleh: Siti Nurfarmy Ibrahim, Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Canseleri

KUANTAN, 13 Februari 2023 - Seramai 65 orang Sukarelawan Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kilau menyertai Program Pembersihan Pantai dan Penanaman Pokok sempena Sambutan Hari Radio Sedunia anjuran Radio Televisyen Malaysia (RTM) Pahang dengan inisiatif menanam 1,000 pokok Rhu di Pantai Kempadang, Kuantan.

Perasmian program disempurnakan oleh Ketua Pengarah Penyiaran, Radio Televisyen Malaysia, Suhaimi Sulaiman dan Pengarah Bahagian Program Radio Jabatan Penyiaran Malaysia, Nor'ain Bakir.

Turut serta Penolong Naib Canselor, Bahagian Kolaborasi Industri dan Masyarakat, UMP, Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Noordin, Timbalan Pengarah Perhutanan (Pembangunan), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Dato' Samsu Anuar Nawi, Pengarah SWCorp Pahang, Shahrudin Hamid dan JKKK Kampung Kempadang, Saaban Awang.



Menurut Nor'ain Bakir, program ini turut melibatkan pelajar dan komuniti setempat untuk sama-sama berperanan dalam meneruskan agenda nasional masyarakat Malaysia Madani yang cintakan keamanan.

Manakala menurut Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina, kolaborasi strategik UMP dan RTM ini sebahagian daripada usaha UMP untuk mempergiatkan agenda dalam pembangunan kelestarian bagi menyokong Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals (SDG)*.



“Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini diadakan seiring sasaran Kempen Penghijauan Negara menjelang tahun 2025 dan UMP sentiasa aktif dan menyokong kempen penanaman 100 juta pokok,” ujar beliau.

Sebanyak 1,000 batang pokok Rhu Pantai (*Casuarina Equisetifoli*) berjaya ditanam dengan turut mendapat penglibatan anak-anak dari Tadika Tunas Cahaya Iman dan pelajar Kolej Poly-Tech MARA Kuantan.

Selain itu, sukarelawan UMP Kilau turut sama terlibat dalam acara rewang dengan kerjasama Adabi dan Dapur Infaq bagi menyediakan juadah di Kompleks Penyiaran Sultan Haji Ahmad Shah untuk diagihkan kepada golongan gelandangan dan mereka yang memerlukan sekitar Kuantan.

TAGS / KEYWORDS

[Sukarelawan UMP Kilau](#)

[tanam pokok](#)

[SDG](#)